



## KANDUNGAN

DELEGASI UTeM MELAWAT KOREA

SEKRETARIAT PROTOKOL DAN SAMBUTAN SUKAN UNIVERSITI ASEAN (SUA) BERTEMU DI KAMPUS BANDAR, UTeM

PENA KETUA EDITOR

HUBUNGAN UNIVERSITI-INDUSTRI PERLU DIPERKUKUH

PERJUMPAAN TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) BERSAMA PEGAWAI TADBIR

DIARI UTeM - APRIL 2008

AKTIVITI-AKTIVITI UTeM - MEI 2008

BENKEL KENALI DIRI MELALUI UJIAN PERSONALITI

KURSUS PENASIHATAN AKADEMIK

KURSUS PERUBATAN ISLAM UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN BIL 3/2008

EDITOR BERITA@UTeM

**KETUA EDITOR :**  
PUAN KALTHOM BINTI HUSAIN

**WARTAWAN :**  
CIK FARADILA BINTI MD. YUSOF  
CIK AIDA BINTI SALLEH  
ENCIK RUZAIMAN BIN ABDUL RAHMAN

**GRAFIK & REKALETAK :**  
PUAN AZIZA MD BUANG

**JURUFOTO :**  
ENCIK MD. NOR BIN MOHAMAD SALEH  
PUAN NURULIDAYU BINTI TALIB  
ENCIK MOHD FARID BIN SUPANGI

**PENGEDARAN :**  
PUAN MASWATEE BINTI ABDUL GHAFFAR  
PUAN MARSITAH BINTI ABU BAKAR

**URUS SETIA :**  
PUAN AZLINAH BINTI AJIS  
azlinah@utem.edu.my

LG  
173  
.M44  
.B47  
2008  
a  
Apr



## DELEGASI UTeM MELAWAT KOREA


**14 April 2008** - Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Tuan Yang Terutama Tun Mohd Khalil Yaakob telah mengetuai delegasi UTeM ke Korea. Beliau diiringi Naib Canselor UTeM, Datuk Prof. Ir. Ismail Hassan, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UTeM, Dato' Prof. Dr. Abu Abdullah dan Pengarah Pusat Komputer UTeM, Encik Mohd Isa Mohd Dom.

Lawatan selama tujuh hari ini adalah dengan hasrat untuk membina jaringan perhubungan dan rangkaian kerjasama baru serta perkongsian pintar UTeM dengan universiti-universiti dan industri di Korea. Ia adalah selaras dengan tema UTeM pada tahun ini iaitu 'Kecemerlangan Akademik melalui Kerjasama Industri'. Lawatan ke luar negara ini adalah salah satu usaha pengantarabangsaan sesuai dengan hasrat Kementerian Pengajian Tinggi yang meletakkan elemen ini dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara.

bersambung di muka surat 03



# SEKRETARIAT PROTOKOL DAN SAMBUTAN SUKAN UNIVERSITI ASEAN (SUA) BERTEMU DI KAMPUS BANDAR, UTeM



**18 April 2008** - Jawatankuasa Penyelaras Protokol dan Sambutan Sukan Universiti Asean (SUA) Kali-14 telah mengadakan mesyuarat pertamanya di Kampus Bandar, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Y.Bhg. Prof Madya. Dr. Zolkepli bin Buang, Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UTeM. Selaku ketua sekretariat, UTeM berbesar hati menerima kunjungan pada hari tersebut. Mesyuarat ini boleh dianggap sebagai sesi perkenalan dan sebagai satu platform sumbangsaran kepada semua ahli-ahli jawatankuasa yang terdiri daripada Pegawai Perhubungan Awam (PRO) dari setiap universiti awam di Malaysia.

Fokus utama pada mesyuarat tersebut berkisar kepada persediaan awal jawatankuasa penyelaras sebelum SUA berlangsung pada 11 hingga 21 Disember tahun ini. Tiga jawatankuasa kecil telah dibentuk pada hari tersebut iaitu Jawatankuasa Kecil Protokol yang diketuai oleh UiTM dan dianggotai oleh UUM, USM, UTeM, Jawatankuasa Kecil Sambutan, diketuai oleh Universiti Putra Malaysia (UPM) dan disokong oleh UTHM, UMK, UPSI, USIM, UTeM. Jawatankuasa Kecil Pegawai Pengiring pula telah diketuai oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan dibantu oleh UniMAP, UMP, UTM, UMT. Setiap universiti sepakat untuk menghantar sebanyak 10 orang pegawai tambahan bagi melancarkan tugas jawatankuasa-jawatankuasa ini sebelum dan sepanjang SUA berlangsung selain bantuan dari para sukarelawan.

Mesyuarat tersebut turut dihadiri oleh dua orang pegawai dari Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) Putrajaya. Ahli Jawatankuasa akan mengadakan lawatan kerja ke Sukan Malaysia Terengganu (SUKMA) pada akhir bulan Mei tahun ini bagi menyaksikan dan menimba pengalaman daripada pihak penganjur sukan tentang bidang tugas setiap jawatankuasa kecil tersebut.



## Pena KETUA EDITOR

Assalamualaikum wa-Rahmatullahi wa-Barakatuh dan Salam Sejahtera

Segala pujian bagi ALLAH SWT yang mengizinkan penerbitan Berita@UTeM edisi bulan April 2008.

Berita@UTeM kembali menemui para pembaca dalam edisi April /2008. Paparan visual dan catatan dalam edisi kali ini memuatkan program dan aktiviti warga UTeM bermula daripada Pengurusan Tertinggi dan terus kepada staf dan pelajar UTeM.

Program yang berupa perhimpunan bulanan bersama Naib Canselor, lawatan kerja, forum, persidangan, kursus memenuhi ruang-ruang visual Berita@UTeM. Lawatan Kerja Canselor ke Korea, Persidangan FORTUNE 08, Mesyuarat Sukan Universiti Asean (SUA) turut mewarnai paparan Berita@UTeM kali ini.

Walaupun menjadi hasrat sidang redaksi Berita@UTeM merakamkan semaksimum mungkin program atau aktiviti yang di lalui oleh warga UTeM, namun hasrat ini hanya mampu dipamerkan apabila penganjur program di setiap Pusat Tanggungjawab (PTJ.) / individu berkenaan memaklumkan dan mengemukakan catatan kepada urus setia Berita@UTeM

Rakaman peristiwa dalam edisi kali ini akan terpahat di hati dan terakam di minda kerana rakaman peristiwa ini bukti sokongan dan kesepaduan kerjasama seluruh warga UTeM.

Sekian, Wabillah Hitaufik Walhidayah Wassalamualaykum wa-Rahmatullahi wa-Barakatuh

Salam penuh takzim,

Kalthom Husain





sambungan dari mukasurat 01



Destinasi pertama yang telah dilawati oleh para delegasi ialah ke BNG Steel Co. Ltd, Busan iaitu sebuah kilang pengeluar kepingan keluli yang terlung. Kedua-dua pihak telah melakukan perbincangan mengenai pelbagai perkara seperti mengenai *precision engineering* dalam bidang pembuatan dan mekanikal, pertukaran staf, ceramah industri dan penempatan pelajar. Selain sesi perbincangan, para delegasi turut dibawa melawat makmal-makmal penyelidikan dan kawasan kilang bagi melihat aktiviti pengeluaran, kemudahan dan prasarana yang disediakan.

Pada hari kedua, delegasi telah melawat ke Samsung SDI Co. Ltd yang terletak di Busan, Korea. Walaupun terdapat banyak produk elektrik dan elektronik di bawah jenama Samsung, kilang ini hanya menghasilkan produk plasma TV (flat screen TV panel) yang berkualiti tinggi. Para delegasi telah mengadakan perbincangan dengan wakil Samsung dalam perkara berkaitan produk yang dihasilkan, perkembangan perusahaan dan penghantaran pensyarah serta pelajar bagi mendapatkan pengalaman dan pengetahuan secara aplikasi dan amalan. Di samping itu perbincangan mengenai cadangan mewujudkan satu makmal elektronik Samsung di UTeM turut diadakan. Pihak UTeM dan Kilang Samsung (M) Sdn Bhd di Nilai, Negeri Sembilan akan bekerjasama untuk menubuhkan makmal ini.

Selain industri, para delegasi juga melawat institusi pendidikan di sana. Lawatan ke Seoul National University (SNU) telah diadakan pada hari ketiga. Perbincangan di antara kedua-dua pihak lebih menjurus kepada aspek kerjasama beberapa bidang penyelidikan terutamanya bidang kejuruteraan dan teknologi maklumat dan pertukaran staf *visiting professor*. Turut dibincangkan adalah mengenai peluang yang ada untuk staf dari UTeM melanjutkan pelajaran di SNU dan peluang bagi pelajar yang kini berada di Korea boleh melanjutkan pelajaran mereka terus di SNU di peringkat Sarjana dan Kedoktoran. Perjanjian Persefahaman (MoU) akan dipertimbangkan untuk menjalin usahasama yang lebih berkesan.

Pada 18 April 2008, lawatan diteruskan ke Korea University (KU). Sesi taklimat disampaikan oleh wakil KU dan perbincangan turut dijalankan. Kedua-dua pihak telah bersetuju untuk meluaskan skop hubungan kerjasama terutamanya dari segi pertukaran pelajar, mencadangkan visiting profesor, penyelidikan, program pengajian dan sebagainya. Usaha untuk menandatangani MoU akan dipertimbang bagi membolehkan kerjasama serta aktiviti yang telah dirancang dapat dijalankan dengan lancar.

Selain mengadakan lawatan, para delegasi juga telah mengadakan temubual dengan 16 orang pelajar Malaysia yang sedang menjalani pengajian di Korea dan bidang kejuruteraan terutama bidang pembuatan, mekanikal, elektrik dan elektronik yang bertujuan untuk menawarkan mereka untuk meneruskan pengajian mereka ke peringkat yang lebih tinggi melalui skim tutor ataupun fellowship. Keputusan akan diberikan setelah pihak pengurusan meneliti permohonan mereka.

Lawatan ini telah membantu UTeM dalam proses pengantarabangsaaan di samping menjadi pemangkin untuk merealisasikan tema UTeM pada tahun ini. Perbincangan dan lawatan yang telah dilakukan membantu pengurusan UTeM untuk mengenalpasti kaedah terbaik menjadi universiti bertaraf dunia selain membuka peluang kerjasama dengan industri di peringkat antarabangsa.





# HUBUNGAN UNIVERSITI-INDUSTRI PERLU DIPERKUKUH



**24 April 2008** - Hubungan universiti perlu diperkukuh untuk meningkatkan mutu graduan yang dihasilkan. Universiti yang menawarkan pendidikan teknikal terutamanya haruslah peka dengan kehendak industri yang memerlukan sumber tenaga manusia yang kompeten dan berkemahiran dalam bidang mereka. Pengetahuan dalam aspek teori sahaja tidak berguna kerana ia perlu dilengkapi dengan pengetahuan dalam aplikasi supaya tugas yang dijalankan itu akan menjadi sempurna. Itu adalah antara isi ucapan yang telah disampaikan oleh Timbalan Menteri Pengajian Tinggi 1, Yang Berhormat Datuk Ir. Hj. Idris bin Hj Haron semasa merasmikan Persidangan MTUN bersama Industri 2008 (FORTUNE 08) di Hotel Holiday Inn Melaka.

Menurut beliau lagi hubungan universiti-industri adalah satu hubungan simbiosis yang akan memberi manfaat kepada kedua-dua pihak. Pihak industri memerlukan modal insan yang berkualiti serta mampu menyempurnakan tugas mereka dengan baik walaupun masih baru menceburkan diri dalam industri. Manakala universiti pula mahu menghasilkan graduan yang mempunyai nilai tinggi dalam pasaran kerja semasa. Oleh sebab itulah maka pihak universiti dan industri perlu berganding bahu dalam mengenalpasti ciri-ciri graduan teknikal bermutu tinggi yang perlu dihasilkan.

Persidangan yang berlangsung selama sehari ini membawa tema 'Excellence Through University Industry'. MTUN ialah singkatan kepada Jaringan Universiti Teknikal Malaysia yang menyatukan empat universiti teknikal di Malaysia iaitu, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP). Tujuan utama forum ini adalah untuk meningkatkan hubungan universiti-industri sejajar dengan hasrat untuk menghasilkan graduan teknikal cemerlang yang menepati kehendak industri. Selain itu, ia juga bertujuan untuk mendapatkan maklumbalas dari pihak industri mengenai graduan teknikal yang menepati kehendak industri pada masa kini.

Kebanyakan graduan teknikal yang dihasilkan sebelum ini masih belum dapat menjadi modal insan yang berkemahiran dalam bidang mereka. Pendidikan yang diperoleh hanyalah berasaskan teori sahaja dan ia menjadi masalah besar kepada mereka apabila berada dalam situasi sebenar. Mereka memerlukan masa suai bekerja yang agak lama menyebabkan pihak industri mengalami kerugian yang besar. Kadangkala graduan ini perlu dihantar untuk menjalani latihan agar mereka mampu memberikan komitmen yang tinggi terhadap kerja mereka. Beliau berkata demikian dalam satu sesi sidang akhbar selepas majlis perasmian forum itu.

Beliau turut menyenaraikan ciri-ciri kecemerlangan sesebuah universiti iaitu produk dan perkhidmatan yang menepati kehendak industri, mempunyai mekanisme yang berkualiti tinggi, persekitaran yang sesuai, dan juga modal insan yang mempunyai sahsiah dan mental yang sempurna. Oleh yang demikian universiti di Malaysia seharusnya mempunyai ciri-ciri tersebut supaya dapat setanding dengan universiti bertaraf dunia. Beliau menganjurkan agar forum ini diadakan secara berkala setiap tahun agar mendapat maklumbalas dari pihak industri dari masa ke semasa untuk meningkatkan supaya universiti dapat membuat penambahbaikan dalam kaedah pendidikan mereka.

Datuk Hj Idris mengucapkan tahniah kepada UTeM selaku tuan rumah yang telah berjaya menganjurkan forum yang amat bermanfaat ini. Beliau berkata bahawa inisiatif yang dilakukan oleh MTUN ini adalah satu langkah besar yang memberi manfaat kepada universiti dan juga industri yang harus menjadi contoh kepada universiti yang lain.

Turut hadir termasuklah Ketua Pengarah Kementerian Pengajian Tinggi, Prof. Datuk Dr Hassan Said; Naib Canselor UTeM, Datuk Prof. Ismail Hassan; Naib Canselor UTHM, Datuk Prof Dr Ismail Bakar; Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UTeM, Datuk Prof. Dr. Abu bin Abdullah; Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UTeM, Dato' Prof. Madya Dr. Abu Bakar Mohammad Diah; Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMP, Prof Dr. Sabarudin Mohd; dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP, Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal.

Forum yang julung kali diadakan ini telah mengundang wakil industri yang terdapat di sekitar Melaka untuk sama-sama membincangkan hala tuju dan kaedah pembelajaran yang paling efektif dipraktikkan di universiti teknikal. Pada masa depan MTUN merancang untuk mengadakan forum seumpama ini di universiti yang menjadi ahli MTUN yang lain untuk melibatkan pihak industri yang berada di sekitarnya pula.

Semasa majlis perasmian ini juga turut menyaksikan upacara penyerahan borang keahlian MTUN kepada wakil Dewan Perdagangan dan Industri Eropah-Malaysia oleh semua universiti di bawah gabungan MTUN ini.





# PERJUMPAAN TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) BERSAMA PEGAWAI TADBIR



" Sifat tanggungjawab dan akauntabiliti harus diterapkan di kalangan semua staf agar organisasi mendapat manfaatnya"



**Timbalan Naib Canselor** (Akademik & Antarabangsa), Y.Bhg. Dato' Prof. Dr. Abu Abdullah telah mengadakan perjumpaan dengan semua pegawai tadbir dan pegawai ikhtisas Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). Perjumpaan ini dibahagikan kepada dua sesi yang melibatkan semua staf pengurusan dan profesional bukan akademik UTeM.

Sesi pertama diadakan pada 8 April 2008. Seramai 64 orang Pegawai Tadbir yang terdiri daripada Timbalan Pendaftar, Ketua Penolong Pendaftar dan Penolong Pendaftar telah menghadiri sesi perjumpaan ini. Perjumpaan yang bermula jam 10.00 pagi ini telah diadakan di Dewan UTeM 1, Kampus Industri UTeM.

Manakala dalam sesi kedua pula seramai 45 orang pegawai ikhtisas telah menghadiri perjumpaan ini. Mereka terdiri dari Ketua Pustakawan, Pengarah Pusat Pembangunan dan Pengurusan Aset, Pengarah Pusat Komputer, Pustakawan, Timbalan Bendahari, Akauntan, Pegawai Kewangan, Pegawai Sistem Maklumat, Pegawai Seni Reka, Pegawai Penerbitan, Jurutera dan Arkitek. Perjumpaan yang bermula pada 2.30 petang ini diadakan di Bilik Kuliah 18, Bangunan Canselor.

Tujuan utama perjumpaan ini adalah untuk merapatkan hubungan silaturrahim di antara Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) dengan semua pengurusan bukan akademik di UTeM. Y.Bhg. Dato' Prof. Dr. Abu Abdullah dalam sesi taklimatnya telah menyampaikan amanat dan hasrat pengurusan tertinggi UTeM kepada semua pegawai tadbir dalam melancarkan pengurusan universiti. Pentadbiran yang efisien merupakan elemen yang penting di dalam sesebuah universiti. Oleh yang demikian, semua pegawai tadbir harus tahu bahawa peranan mereka adalah amat besar dalam meningkatkan kualiti dan hala tuju universiti.

Beliau menekankan aspek kualiti bagi mencapai kecemerlangan dalam semua aspek. Dalam menjalankan tugas, semua individu harus memberi sumbangan yang lebih dan bukan hanya menyelesaikan tugas hakiki sahaja. Kerjasama antara staf mestilah sentiasa wujud bagi memudahkan untuk menyelesaikan semua tugas yang diamanahkan. Sifat tanggungjawab dan akauntabiliti harus diterapkan di kalangan semua staf agar organisasi mendapat manfaatnya.

Tambah beliau sebagai kakitangan sebuah universiti, setiap individu mesti mengambil tahu perkara-perkara berkaitan akademik kerana mereka bukan hanya memberi perkhidmatan kepada kedua-dua bidang; akademik dan bukan akademik. Kewujudan budaya kerja yang sihat mestilah diberi penekanan dalam usaha untuk merealisasikan visi dan misi universiti. Jika pengurusan gagal untuk memberikan komitmen kepada universiti, perjalanan universiti menjadi tidak sempurna yang akan menjejaskan sesi pengajaran dan pembelajaran di universiti.

Selepas sesi taklimat, Y.Bhg. Dato' Prof. Dr. Abu Abdullah telah mengadakan sesi soal jawab untuk semua staf yang hadir. Dengan adanya sesi ini, semua yang hadir boleh mengutarakan apa-apa kemusykilan dan masalah untuk mendapat maklum balas secara langsung dari beliau. Beliau juga telah mengumumkan berita baik untuk semua kakitangan bukan akademik. Pihak universiti telah bersetuju untuk menaja dua orang Pegawai Tadbir atau Ikhtisas UTeM untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat Sarjana dan PhD pada setiap tahun. Ia akan memberi peluang kepada pegawai di UTeM untuk meningkatkan taraf pendidikan mereka dan pada masa masih boleh berkhidmat dalam pentadbiran.

Perjumpaan ini telah berjaya mencapai matlamat untuk mengeratkan hubungan di antara pengurusan tertinggi dengan semua pegawai tadbir dan ikhtisas. Ia membantu semua pegawai untuk memahami peranan mereka dalam organisasi supaya dapat menyempurnakan tugas mereka dengan lebih baik.





## DIARI UTeM-APRIL 2008

BIL	AKTIVITI	TARIKH	TEMPAT	ANJURAN
1.	Sidang Media Pemenang Robocon	1-Apr-2008	Kampus Industri	Canselori
2.	Laporan Tahunan 2007 Edisi Bahasa Melayu	2 - 4 April 2008	Hotel M-Suite, Johor Bahru	BPAK
3.	Jemputan Majlis Hi-Tea bersama AJK Program Majlis Malam Amal Sri Kesidang bersama MAKNA	4-Apr-08	Kampus Industri	Sri Kesidang
4.	Lawatan Delegrasi Ministry Of Education Republic Of China Ke UTeM	7-Apr-2009	Kampus Industri	BPAA
5.	Bengkel Latihan Asertif 2008	4 - 6 April 2008	Le Paris Hotel Port Dickson	Pendaftar
6.	Perhimpunan Bulanan UTeM Bil. 3/2008	8-Apr-2008	Kampus Industri	PJKA
7.	Taklimat TNCA kepada Penolong Pendaftar UTeM	8-Apr-2008	Kampus Industri	Pendaftar
8.	Kursus Perubatan Islam Siri 1/2008	9-Apr-2008	Kampus Industri	Pusat Islam
9.	Program Ketrampilan Graduan	10-Apr-2008	Kampus Industri	PBPI
10.	Lawatan Tun Canselor, Naib Canselor & Timbalan Naib Canselor Ke Korea 2008	13-Apr-2008	KLIA	Canselori
11.	Mesyuarat Majlis Sukan ASEAN (SUA)	18-Apr-2008	Dewan Konvesyen, Kampus Bandar	HEPA
12.	Majlis Penyerahan Sumbangan Malam Amal Sri Kesidang Bersama MAKNA dan Penyerahan Laporan Konvesyen Kesihatan Wanita	22-Apr-2008	Kafeteria UTeM,	Sri Kesidang
13.	Laporan Tahunan 2007 Edisi Bahasa Inggeris	20 - 22 April 2008	Corus Paradise, Port Dickson	BPAK
14.	Bengkel Kenali Diri Mejalui Ujian Personaliti Sesi 2/2008	30 April 2008	Kampus Industri	Canselori
15.	Perjumpaan Y.Bhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) Bersama Pegawai Tadbir	8 & 29 April 2008	Kampus Industri	Canselori
16.	Kursus Kesetiausahaan & Pembantu Peribadi Yang Cemerlang	25-27 April 2008	Le Paris Hotel Port Dickson	Pandaftar
17.	Forum MTUN (FORTUNE 2008)	23 April 2008	Hotel Holiday Inn	UNIC

اونفورسي تيكنيكل مليسيا ملاك

## AKTIVITI-AKTIVITI UTeM-MEI 2008

BIL	AKTIVITI	TARIKH	TEMPAT	ANJURAN
1.	"Bengkel Pengubalan Buku Garis Panduan 'Outcome-Based Education' UTeM"	8 Mei 2008	Pusat Konvensyen, Kampus Bandar UTeM	Pusat Pengajaran & Pembelajaran
2.	Forum Pembangunan Insan Siri II	10 Mei 2008	Auditorium Rumah Media Melaka	Pusat Bahasa & Pembangunan Insan
3.	Pameran ITEX 2008	9 - 11 Mei 2008	Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC)	UNIC
4.	Kursus Induksi Umum & Khusus Kumpulan Pengurusan & Profesional serta Sokongan Gred 27 hingga 29 Bilangan 2 Tahun 2008	11 - 28 Mei 2008	Hotel Le Paris, Costa Rica, Port Dickson	Pejabat Pendaftar
5.	Kursus Penulisan Artikel dan Jurnal (PA 106)	12 - 13 Mei 2008	Pusat Konvensyen, Kampus Bandar UTeM	Pusat Pengajaran & Pembelajaran
6.	Perhimpunan Bulanan UTeM Bil. 4/2008	13 Mei 2008	Kampus Industri	Penerbit Universiti
7.	Program Bakti Siswa (BAKSIS) Siri 2/2008	14 - 17 Mei 2008	Kampung Sri Lanang, Mersing	HEPA & MPP
8.	Lawatan IOTI ke UTeM	17 Mei 2008	Kampus Industri, Kampus Induk, Kampus Bandar	BPAA
9.	Kursus Asas Pengajaran dan Pembelajaran (PW 101)	20 - 28 Mei 2008	Pusat Konvensyen, Kampus Bandar UTeM	Pusat Pengajaran & Pembelajaran
10.	Kursus Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) bagi Pensyarah Universiti DS45 TK3 Bil.1/2008	21- 28 Mei 2008	Hotel Avillion Legacy, Melaka & Bilik Kuliah (PPS)	Pejabat Pendaftar
11.	Bengkel Train The Trainer (TTT) Programme	26 - 30 Mei 2008	Quality Hotel, Kuala Lumpur	Institut Pengurusan Teknologi & Keusahawanan
12.	MTUN Sports Meet	31 - 1 Jun 2008	Kampus Induk, Durian Tunggal	Pusat Sukan



## BENGGKEL KENALI DIRI MELALUI UJIAN PERSONALITI



**30 April 2008** - Bahagian Kesejahteraan Personel (BKP), Canselori Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menganjurkan Bengkel Kenali Diri Melalui Ujian Personaliti di Bilik Kuliah 18, Bangunan Canselori. Bengkel ini bertujuan untuk meningkatkan kefahaman secara saintifik individu terhadap keupayaan diri mereka sendiri mengikut pendekatan psikologi. Apabila seseorang itu telah mengetahui keupayaan diri, mereka akan dapat mengoptimalkan potensi diri untuk bekerja dengan lebih berkesan dan efektif.

Bengkel ini telah dikendalikan oleh Pengarah BKP, Encik Ahmad Rozelan Yunus dan disertai oleh 43 orang staf yang terdiri di kalangan staf akademik. Pengisian bengkel ini adalah meliputi sesi menjawab ujian personaliti, sesi mentadbir analisis respon peserta terhadap ujian personaliti dan sesi penerangan mengenai ciri-ciri peserta berdasarkan ujian personaliti.

Melalui kefahaman mengenai potensi diri, peserta akan dibimbing untuk mengenali kekuatan diri yang boleh dijadikan asas memilih kepakaran yang boleh didalami oleh peserta. Bengkel selama sehari ini adalah siri kedua dan menurut penganjur akan diadakan lagi agar semua staf di UTeM akan mendapat manfaat darinya.


## KURSUS PENASIHATAN AKADEMIK



**16 April 2008** - Pusat Pengajaran dan Pembelajaran Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menganjurkan Kursus Penasihat Akademik untuk staf akademik, yang bertujuan untuk memberi pendedahan kepada mereka berhubung pengetahuan dan kemahiran yang sesuai agar boleh dimanfaatkan dalam membantu para pelajar mencapai kecemerlangan akademik. Lima orang penceramah yang berpengalaman telah dijemput untuk berkongsi ilmu pengetahuan mereka kepada peserta kursus.

Seramai 22 orang staf akademik dari pelbagai fakulti dan pusat tanggungjawab telah menyertai kursus selama dua hari ini yang dianjurkan di Dewan Konvensyen Kampus Bandar UTeM. Objektif kursus ini adalah untuk memberi kemahiran kepada peserta agar dapat mereka boleh membantu para pelajar dalam menyelesaikan masalah akademik mereka. Kursus ini juga merupakan satu platform terbaik dalam memberi ilmu berhubung bimbingan dan kaunseling kepada staf akademik supaya dapat mengambil peranan sebagai kaunselor kepada pelajar masing-masing.

Diharapkan agar semua peserta dapat mengaplikasi dan mengamalkan setiap input dan maklumat yang telah dipelajari untuk kebaikan para pelajar. Selain itu ia boleh membantu meningkatkan keberkesanan dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang seterusnya dapat menjana kecemerlangan sistem pendidikan di UTeM secara keseluruhannya.





# KURSUS PERUBATAN ISLAM Universiti Teknikal Malaysia Melaka



**9 April 2008** - Satu kursus berkaitan perubatan Islam telah dianjurkan oleh Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). Kursus selama sehari ini mendedahkan para peserta kepada ilmu pengetahuan mengenai perubatan Islam yang disampaikan oleh Dr. Hj Jahid Hj Sidek Al Khalidi dari Pusat Rawatan Islam MANARAH. Beliau yang berpengalaman selama lebih 20 tahun dalam bidang perawatan secara Islam merupakan mantan Pensyarah di Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sastera dan Sains Sosial sebelum dilantik sebagai Profesor Madya di Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Pengalamannya yang luas dalam bidang ini menarik minat pihak UTeM untuk menjemput beliau berkongsi ilmu dengan masyarakat khususnya warga UTeM sebagai persediaan rohani dan jasmani.

Kursus Perubatan Islam adalah anjuran Pusat Islam Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dengan kerjasama Unit Latihan Pejabat Pendaftar. Kursus ini telah dirasmikan oleh Yang Berbahagia Datuk Prof Madya Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah, Timbalan Naib Canselor (Inovasi dan Penyelidikan) di Kampus Industri UTeM, Ayer Keroh pada pagi ini.



Dalam ucapannya, beliau menyatakan bahawa kursus ini akan dapat membantu masyarakat mengenai konsep sebenar berkaitan perubatan Islam serta penggunaannya. Di samping itu, kursus ini dapat memberi kefahaman mengenai gangguan kesihatan manusia yang mempunyai hubungan dengan jin atau syaitan, kesan sihir, saka serta jin atau syaitan dan cara rawatannya menurut Al-Quran dan Al-Sunnah. Oleh kerana itu kursus diadakan supaya boleh menerangkan dengan lebih jelas apakah sebenarnya perubatan secara Islam agar semua pihak boleh mendapat manfaat daripadanya.

Masyarakat kini perlu sedar dan seharusnya tidak lagi keliru dengan istilah kaedah perubatan tradisional berasaskan Islam. Secara amnya, di Malaysia dan negara-negara Islam yang lain wujud dua jenis perubatan iaitu secara tradisional dan kaedah moden. Kedua-dua kaedah ini masih diamalkan mengikut kesesuaian meskipun peralihan zaman telah berlaku dan cara hidup kini lebih moden dan pesat membangun. Namun masalah sering berlaku kerana kaedah perubatan tradisional ini disalahertikan dan menjurus kepada syirik. Pemahaman yang betul amat perlu sebelum kaedah perubatan Islam itu boleh diamalkan bagi memastikan ia berada dalam landasan yang betul.



Antara pengisian dalam kursus ini ialah pengenalan kepada metodologi perubatan Islam dan Tradisional Melayu, jin dan syaitan serta hubungannya dengan pelbagai gangguan kesihatan manusia, sihir dan saka serta cara-cara untuk menangannya. Menerusi kertas kerjanya, Dr. Hj Jahid menyatakan bahawa masyarakat masih jahil mengenai metodologi perubatan tradisional itu adakah ianya benar-benar memberi manfaat ataupun sebaliknya. Kejahilan bukan hanya wujud di kalangan mereka yang menerima khidmat rawatan perubatan sahaja bahkan di kalangan pengamal itu sendiri. Dalam pembentangan kertas kerjanya itu beliau turut menjelaskan kedudukan sebahagian metodologi perubatan tradisional Melayu yang biasa ditemui dalam perspektif Islam. Walaupun dunia semakin moden, pengetahuan mengenai cara rawatan Islam tidak boleh diabaikan kerana ia boleh digunakan pada keadaan tertentu terpujang kepada niat dan cara pengamalannya.



# MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN Bil 3/2008



**8 April 2008** - Majlis Perhimpunan Bulanan bersama Naib Canselor Bil. 3/2008 telah berlangsung di Kafeteria Kampus Industri Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). Majlis tersebut telah dihadiri oleh semua warga staf UTeM dari setiap peringkat dan Pusat Tanggungjawab (PTJ).

Perhimpunan kali ini telah dianjurkan oleh Pusat Jaminan Kualiti dan Akreditasi (PJKA). Majlis bermula seawal jam 8.00 pagi dengan ketibaan semua staf dengan diikuti oleh tetamu kehormat iaitu Naib Canselor UTeM, Yang Berbahagia Datuk Prof. Ismail bin Hassan yang diiringi oleh pegawai-pegawai kanan universiti. Majlis dimulakan dengan nyanyian lagu Negaraku, Melaka Negeri Bersejarah dan lagu rasmi UTeM, UTeM Terbilang. Majlis diteruskan dengan pengenalan kepada staf yang baru memulakan perkhidmatan oleh Pendaftar, Encik Hassan bin Sirun.

Sebagai penganjur, Dekan PJKA, Prof. Madya Dr Shahdan bin Md Lani memberikan ucapan dalam majlis tersebut. Beliau memberikan sedikit maklumat mengenai tugas-tugas yang dilaksanakan serta fungsi PJKA. Selain itu beliau turut menyenaraikan perkembangan semasa dan aktiviti yang sedang dan akan dilakukan oleh PJKA.

Dalam ucapannya beliau menyatakan bahawa PJKA kini sedang mendapatkan akreditasi untuk program-program pengajaran yang ditawarkan UTeM. Sehingga kini semua program peringkat diploma dan semua program yang terdapat di Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi telah mendapat pengiktirafan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Selain itu sebanyak 13 program yang lain juga telah mendapat pengiktirafan Lembaga Jurutera Malaysia.

PJKA juga berfungsi sebagai wakil pengurusan bagi Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2001. Persijilan ini telah bermula pada Januari 2005 dan telah melalui dua siri audit pemantauan iaitu pada tahun 2006 dan 2007 dengan mendapat beberapa 'Minor Non Conformance' dan telah disyorkan untuk disambung persijilannya apabila tindakan pembedahan selesai. Proses ini juga telah mula diusahakan untuk diperkembang skop ke peringkat pasca siswazah. Pejabat pendaftar pula dalam proses untuk mendapatkan persijilan ini dalam skop pengurusan sumber manusia.

Di samping itu, PJKA juga bertanggungjawab dalam pelaksanaan Pelan Strategik Kementerian Pengajian Tinggi dan Kad Prestasi Korporat (Balanced Scorecard). Selain daripada perkara-perkara berkaitan akreditasi dan pengiktirafan, PJKA juga bertindak dalam memberi maklumbalas kepada kualiti perkhidmatan. PJKA telah menerima sebanyak 46 aduan yang telah dimasukkan dalam e-aduan.

Sejurus selepas ucapan beliau, Naib Canselor UTeM iaitu Y.Bhg Datuk Ir. Prof. Ismail bin Hassan pula memberikan ucapan balas. Majlis itu disusuli dengan upacara penyampaian sijil kepada para pemenang UTeMEX 2008 yang telah berlangsung pada bulan Mac.

